

07 AUG 1998

IPF BUAT DEMONSTRASI BANTAH SIKAP SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Lebih 100 anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) mengadakan demonstrasi secara aman di hadapan Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini bagi membantah tindakan Singapura berkaitan isu pusat pemeriksaan CIQ Tanjong Pagar.

Setiausaha Agung IPF K.Panjamurti berkata parti itu juga menyerahkan nota bantahan kepada dua orang Setiausaha Pertama Suruhanjaya itu, Kamal R.Vaswani dan Stanley Loh.

Nota itu diserahkan oleh Ketua Pemuda IPF pusat M.Sambanthan, ketua wanita R.Leelawati serta Setiausaha Pemuda Negeri Selangor Ari Krishnan.

Demonstrasi itu diadakan bagi menunjukkan sokongan parti itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu berkenaan, katanya.

Ia juga bertujuan menggesa Singapura supaya tidak bersikap angkuh dalam isu itu tetapi sebaliknya berusaha mencari penyelesaian.

Demonstrasi secara aman itu diadakan selama sejam bermula 2.30 petang ini.

Anggota-anggota parti itu turut mempamerkan poster dan sepanduk yang bertulis, antara lain, "Singapura, jangan jadi sombong", "Dr Mahathir is always right," "Jangan rampas tanah kita, Tanjong Pagar is our land", "We give water but you spit on us."

Sepasukan polis dari Ibu Pejabat daerah Polis Cheras turut berada di tempat kejadian.

Isu itu tercetus apabila Singapura memindahkan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya (CIQ) dari Tanjong Pagar ke Woodlands mulai 1 Ogos lepas dan mahu Malaysia juga berbuat demikian.

Bagaimanapun Malaysia telah memutuskan untuk tidak memindahkan pusat pemeriksaannya yang terletak di atas tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad) di Tanjong Pagar itu.

-- BERNAMA

ZAI NMO